

Maju tanah wakaf dengan projek

LANGKAWI: Tanah wakaf di seluruh negara tidak semestinya dibiarkan begitu saja atau semata-mata dijadikan kawasan perkuburan, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sebaliknya, beliau berkata tanah itu boleh dimajukan dengan projek pembangunan, seperti tempat kediaman, pusat perniagaan dan projek lain yang memberi pulangan di segi ekonomi.

Bercakap kepada pemberita sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur selepas melancar Sekolah Penerbangan Mofaz Air, di sini semalam, Perdana Menteri berkata:

"Saya tidak ada kuasa untuk menyuruh jabatan agama berbuat demikian."

Bagaimanapun, Dr Mahathir yakin pegawai jabatan agama tentu tahu bagaimana mencari jalan membangunkan tanah wakaf seiring perkembangan semasa.

Sambil menyifatkan soal tanah wakaf rumit, Dr Mahathir berkata: "Kita tidak boleh tinggal tanah wakaf terbiar sehingga 2020 dan tahun 3000 sedangkan keadaan di sekeliling sudah dibangunkan mengikut keadaan zaman."

"Saya yakin mereka yang mewakili tanah ini tidak berniat membangunkannya dan menganggap tanah itu tidak berhasil."

Khamis lalu akhbar ini melaporkan Bahagian Hal-Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri mengenal pasti tanah wakaf bernilai lebih \$500 juta terbiar di seluruh negara kerana tidak dibangunkan oleh majlis agama Islam negeri.

Ketua pengarahnya, Zainal Abidin Abdul Kadir, berkata keadaan itu menyebabkan majlis agama Islam negeri rugi berjuta ringgit, malah ada se-setengahnya didiami setingan.